



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

JAWATAN	: PEMBANTU KESIHATAN AWAM
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
JADUAL GAJI	: GRED U1 : RM 1,500.00 - RM 4,680.00
TARAF JAWATAN	: KONTRAK
KEKOSONGAN	: 1

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM 1,500.00) atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U1 : RM 1,561.00) atau

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) / SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA

i. SPM

Calon hendaklah memiliki dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau

Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata Pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

ii. SVM

Mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan Kelayakan SVM dalam bidang yang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

FUNGSI BIDANG TUGAS :

Melaksanakan kerja-kerja pengawalan dan pencegahan di dalam program kebersihan alam sekeliling, kebersihan dan keselamatan makanan serta kawalan penyakit berjangkit yang berkaitan tugasnya dengan menggunakan kaedah / pendekatan kebersihan primer (Control and Prevention – Primary Health Care Approach) .